

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DR. ONG KIAN MING [SERDANG]

TARIKH : 18.5.2016

SOALAN :

Dr. Ong Kian Ming [Serdang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini pembaikan Sekolah Taman Sungai Besi Indah dan bila pelajar boleh kembali ke sekolah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedang menunggu laporan lengkap kajian Jabatan Kerja Raya (JKR) berhubung pemantauan tanah dan pergerakan bangunan Sekolah Kebangsaan Taman Sungai Besi Indah ekoran pembinaan kondominium di kawasan berdekatan. Sehubungan itu, kerja-kerja pembaikan sekolah tersebut akan dilaksanakan sebaik sahaja kajian yang dilakukan oleh pihak JKR tersebut selesai.